

Guru kurang latihan formal, kaum-kaum berbeza ada tanggapan berlainan

Pendidikan seks amat mencabar

KOSMO 03/03/2010 M/S 4

KUALA LUMPUR – Guru-guru di Malaysia masih belum bersedia untuk mengendalikan pendidikan seks di sekolah kerana mereka kurang latihan profesional dalam subjek tersebut.


Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Lok Yim Pheng berkata, walaupun kesatuan itu menyokong penuh usaha kerajaan untuk menyediakan pendidikan seks di sekolah-sekolah tetapi sesuatu yang menyedihkan ialah guru-guru kurang latihan formal dari segi kerumitan dan sensitiviti subjek itu dan tidak yakin untuk mengajarnya.

Beliau memberitahu *Bernama* semalam bahawa guru-guru takut mereka mungkin akan disaman oleh ibu bapa jika melakukan kesilapan dalam menyampaikan pengetahuan seks kepada murid-murid.

Malaysia adalah sebuah negara dengan pelbagai bangsa, agama dan budaya dengan setiap etnik mempunyai tanggapan masing-masing mengenai subjek itu yang menjadikan pengajarannya lebih mencabar, katanya.

Pada masa kini terdapat kira-kira 400,000 guru di seluruh negara yang mengajar 5.5 juta pelajar sekolah rendah dan menengah manakala NUTP merupakan kesatuan guru yang terbesar di negara ini mewakili 160,000 orang.

Lok berkata, kesatuan itu berharap Kementerian Pelajaran berbingcang dahulu dengan pihak-pihak berkepentingan mengenai



PERSOALAN timbul mengenai kesediaan guru-guru mengajar pendidikan seks bagi membendung gejala sosial. – Gambar hiasan

baik buruk usaha itu sebelum membuat keputusan muktamad mengenai subjek berkenaan.

Ketika ini, subjek itu diajar secara sambil lalu di peringkat sekolah rendah hingga sekolah menengah tanpa kursus yang dirangka dengan sempurna.

Pendidikan seks menjadi satu isu yang

sangat penting sejak kebelakangan ini di Malaysia berikutan peningkatan kes ibu-ibu muda yang tidak berkahwin dan kebanyakan mereka terdiri daripada golongan pelajar.

Sementara itu, tinjauan di kalangan pelajar, ibu bapa dan guru menunjukkan kumpulan itu menyokong pendidikan seks tetapi tidak pasti bentuk dan kandungan kursus itu.

“Saya menyokong penuh tetapi saya tidak pasti apa dan bagaimana guru-guru akan mengajar kerana kita ada lebih ramai pelajar perempuan daripada lelaki dalam kelas dan kebanyakan guru adalah wanita,” kata seorang pelajar, Jayaraman, 17.

Seorang bapa, Abdul Raof Bidin, 38, yang mempunyai dua anak yang bersekolah menyifatkan subjek itu perlu diajar di sekolah tetapi harus ditangani secara berhati-hati kerana mudah disalah tafsir dan boleh menyebabkan lebih banyak keburukan daripada kebaikan jika tidak disampaikan dengan betul.

Seorang bapa lain, M. Arumugam, 44, berkata, adalah lebih baik jika golongan profesional dalam bidang perubatan seperti jururawat dan doktor menyampaikan subjek itu kepada pelajar.

“Mungkin Kementerian Pelajaran boleh berunding dengan Kementerian Kesihatan dan mengadakan kerjasama di mana kakitangan Kementerian itu dapat memberikan guru-guru latihan ketika waktu kerja,” katanya.

Betty Lee, 50, seorang guru dengan 24 tahun pengalaman, pula berasakan subjek itu lebih baik dilaksanakan oleh guru-guru yang terdiri daripada golongan ibu dan tahu mengendalikan subjek yang kompleks itu.

“Bukan semua guru boleh mengajar subjek itu dan Kementerian perlu teliti dalam memilih calon yang sesuai untuk kerja itu,” katanya.